

**"Tahniah kepada Zaidatul kerana mengesahkan kedudukan dia sebagai pelari terbaik negara kerana secara tidak langsung pihak yang mengkritik akan menutup mulut mereka"**

Karim Ibrahim

10-03-2017

arena

69

HARIAN METRO

KARIM yakin Zaidatul mampu cipta kejutan pada Sukan SEA.



## Kejayaan di Afrika Selatan tutup mulut pengkritik

**Kuala Lumpur:** Kejayaan atlet olahraga negara di Afrika Selatan membuktikan pemilihan lokasi itu tepat dan pencapaian rekod kebangsaan Zaidatul Husniah Zulkifli pasti menutup mulut mereka yang sebelum ini mempersoalkan tindakan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM).

Presiden KOM Datuk Karim Ibrahim berkata, beliau amat berbangga atas pencapaian Zaidatul melakar rekod baru kebangsaan acara 100 meter (m) justeru berharap tiada pihak yang tidak berpuas hati dengan KOM.

"Tahniah kepada Zaidatul kerana mengesahkan kedudukannya sebagai pelari terbaik negara kerana secara tidak langsung pihak yang mengkritik akan menutup mulut mereka.

"Saya yakin dia akan memberikan kejutan pada Sukan SEA Ogos ini jika berjaya mengekalkan rentak lariannya," kata Karim yang berterima kasih kepada Majlis Sukan Negara (MSN) kerana memberikan sokongan padu terhadap perancangan program KOM selama ini.

Karim turut memaklumkan KOM akan memberi insentif khas kepada Zaidatul susulan kejayaan atlet itu, sama seperti yang diperoleh Khairul Hafiz Jantan, pemegang rekod 100m lelaki.

Karim turut menegaskan,



KHAIRUL

catatan 11.45s yang dilakukan Zaidatul membolehkan atlet berusia 24 tahun dari Kedah itu disenaraikan ke Kejohanan Dunia di London atas tiket wild card pada Ogos nanti.

Bagaimanapun, perbincangan lanjut perlu dilakukan kerana kekangan masa akibat tarikh yang bertindih dengan Sukan SEA.

Mengulas mengenai perancangan seterusnya buat atlet negara, Karim berkata, mereka bakal kembali ke tanah air pada 25 April dan beliau akan berbincang dengan MSN mengenai langkah seterusnya sama ada akan terus berlatih di Bukit Jalil atau berkelana di Eropah pula.

Acara 100 meter dianggap acara pecut dalam kejohanan trek dan padang. Malah acara itu yang membabitkan jarak terpendek untuk pertandingan luar dewan disifatkan paling popular dan berprestij. Acara 100m itu mula dipertandingkan di Sukan Olimpik sejak 1896 untuk lelaki dan 1928, wanita.

Menggunakan trek 400m, jarak permulaan acara 100 meter dipanjangkan supaya perlumbaan dapat berlangsung dengan larian lurus.

Pelumba akan berlepas dari blok permulaan apabila pegawai pertandingan menembak pistol.

Pelari selalunya mencapai

tahap kepantasan pada jarak 50-60m sebelum pecutan mula perlahan menuju ke garisan penamat.

Catatan 10 saat menjadi kayu pengukur prestasi kepantasan pelari lelaki manakala atlet pecut terbaik wanita memerlukan 11s atau kurang untuk menamatkan

perlumbaan.

Rekod dunia lelaki ketika ini 9.58s dibuat Usain Bolt dari Jamaica pada 2009. Bagi wanita pula rekod dunia 10.49s yang dipegang pelari Amerika Syarikat Florence Griffith-Joyner pada 1988 masih belum diperbaharui.

Info



## REKOD 100 METER WANITA

KEBANGSAAN	SUKAN SEA	SUKAN ASIA	SUKAN KOMANWEL	SUKAN OLIMPIK	KEJOHANAN DUNIA
					
<b>G SHANTI</b>	<b>LYDIA DE VEGA</b>	<b>SUSANTHIKA JAYASINGHE</b>	<b>BLESSING OKAGBARE</b>	<b>FLORENCE GRIFFITH-JOYNER</b>	<b>FLORENCE GRIFFITH-JOYNER</b>
<b>11.50s</b>	<b>11.28s</b>	<b>11.15s</b>	<b>10.85s</b>	<b>10.62s</b>	<b>10.49s</b>
<b>Tarikh:</b> 7 Mei 1993 <b>Kejohanan:</b> Kelayakan Sukan SEA, Kuala Lumpur	<b>Negara:</b> Filipina <b>Tarikh:</b> 16 September 1987 <b>Kejohanan:</b> Sukan SEA Jakarta	<b>Negara:</b> Sri Lanka <b>Kejohanan:</b> Sukan Asia Busan 2002	<b>Negara:</b> Nigeria <b>Tarikh:</b> 28 Julai 2014 <b>Kejohanan:</b> Sukan Komanwel Glasgow	<b>Negara:</b> Amerika Syarikat <b>Tarikh:</b> 24 September 1988 <b>Kejohanan:</b> Sukan Olimpik Seoul	<b>Negara:</b> Amerika Syarikat <b>Tarikh:</b> 16 Julai 1988 <b>Kejohanan:</b> Kejohanan Dunia Indianapolis

GRAFIK HARIAN METRO: FAHMY HASHIM